

**Kolej Tingkatan
Enam Shah Alam.**



**Kolej Tingkatan
Enam Petaling Jaya.**



**Kolej Tingkatan Enam
tarik lebih ramai pelajar**

Bagi segelintir pelajar, menambung pengajian ke Tingkatan Enam mungkin bukan pilihan popular berbanding mengikuti program asasi atau diploma di universiti.

Mengambil kira situasi pembelajaran yang masih dikaitkan dengan sistem persekolahan harian biasa, mungkin menjadi salah satu faktor pendidikan Tingkatan Enam bukan pilihan utama bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Meskipun begitu, penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dibuat Kementerian Pendidikan (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013

- 2025 dilihat berjaya mengubah persepsi masyarakat terhadap sistem pendidikan berkenaan.

Penjenamaan semula itu dibuat bertujuan memperkasakan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan lepasan menengah yang lain selepas SPM seperti matrikulasi atau Pusat Asasi Sains, kerana ia dilihat sebagai salah satu laluan utama kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

Sehubungan itu, Kolej Tingkatan Enam diperkenalkan dengan mod baharu iaitu Mod 1, Mod 2 dan Mod 3.

Mod 1 merujuk kepada sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas yang menempatkan hanya murid-murid Tingkatan Enam sahaja dan diajar oleh guru-guru akademik yang telah dilantik sebagai guru Tingkatan Enam.

Mod 2 pula membabitkan sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas, beroperasi di sekolah arus perdana tetapi di blok atau bangunan yang berasingan. Bagaimanapun, Pusat Mod 2 ditadbir oleh Pengetua arus perdana dengan kerjasama Penolong Kanan Tingkatan Enam.

Mod 3 ialah sekolah yang mempunyai kurang daripada 12 kelas atau sekolah yang jauh dari bandar, tiada kemudahan asrama atau pengangkutan awam, dan beroperasi di sekolah arus perdana.

Tempoh pengajian selama satu tahun setengah juga diguna pakai menggunakan konsep semester seperti di universiti merangkumi Semester 1 (Mei hingga November), Semester 2 (Januari hingga Mei) dan Semester 3 (Mei hingga November).

Pelaksanaan sistem pentaksiran baharu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) turut dilaksanakan bermula pada pengambilan sesi 2012

setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 4 Januari 2012.

Sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan dalam sistem pentaksiran baharu STPM. Namun begitu, hanya empat atau lima mata pelajaran sahaja yang perlu dipilih termasuk mata pelajaran Pengajian Am sebagai mata pelajaran wajib manakala mata pelajaran MUET wajib diambil oleh semua murid.

Mulai tahun 2019 mata pelajaran Tahfiz al-Quran telah dimasukkan sebagai salah satu mata pelajaran STPM, menjadikan jumlah keseluruhan mata pelajaran yang ditawarkan adalah sebanyak 23 mata pelajaran.

Antara mata pelajaran tersebut adalah Pengajian Am, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab, Kesusasteraan Melayu Komunikatif, Syariah, Usuluddin, Sejarah, Geografi, Ekonomi, Pengajian Perniagaan, Perakaunan, Matematik, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Sukan, Seni Visual dan Tahfiz al-Quran.

Bagi pelajar yang berminat menambung pengajian ke Tingkatan Enam, mereka perlu memenuhi syarat am iaitu lulus SPM dengan mendapat

sekurang-kurangnya kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan berumur antara 17 hingga 20 tahun pada 1 Januari tahun semasa.

Mereka juga perlu memenuhi syarat khas yang ditetapkan berdasarkan bidang pengkhususan iaitu bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) atau sains sosial.

Oleh itu, kali ini *GPSBestari* senaraikan beberapa Kolej Tingkatan Enam yang terdapat di Malaysia untuk rujukan bersama supaya memberi manfaat kepada pelajar di luar sana yang berminat menambung pengajian ke Tingkatan Enam kelak.

Tawar 23 mata pelajaran sebagai pilihan

SENARAI KOLEJ TINGKATAN ENAM YANG TERDAPAT DI MALAYSIA

1. Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu (KT6KK)
2. Kolej Tingkatan Enam Petaling Jaya (KT6PJ)
3. Kolej Tingkatan Enam Shah Alam (KTESA)
4. Kolej Tingkatan Enam Tunku Abdul Rahman Putra (KISTARP)
5. Kolej Tingkatan Enam Sultan Abdul Aziz (KTESAAZ)
6. Kolej Tingkatan Enam Bandar Utama (KT6BU)
7. Kolej Tingkatan Enam Puchong
8. Kolej Tingkatan Enam Sri Istana (KTESI)
9. Kolej Tingkatan Enam Saratok (KTES)
10. Kolej Tingkatan Enam Datuk Pengiran Galpam
11. Kolej Tingkatan Enam Tawau (KT6T)
12. Kolej Tingkatan Enam Pontian (KTEP)
13. Kolej Tingkatan Enam Tun Fatimah
14. Kolej Tingkatan Enam Seri Putera
15. Kolej Tingkatan Enam Seri Ipoh
16. Kolej Tingkatan Enam Tapah
17. Kolej Tingkatan Enam Desa Murni
18. Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin
19. Kolej Tingkatan Enam Sultan Sallehuddin
20. Kolej Tingkatan Enam Kulim
21. Kolej Tingkatan Enam Hulu Terengganu (HUTECS)
22. Kolej Tingkatan Enam Desa Mahkota
23. Kolej Tingkatan Enam Pudu Jaya

Kolej Tingkatan
Enam Desa
Mahkota

